

Nik Aziz dakwa tidak tahu KMM wujud

BH / 8 AUG 2004

KOTA BHARU, Selasa – Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata beliau tidak tahu mengenai wujudnya Kumpulan Mujaahidin Malaysia (KMM) yang didakwa mendapat latihan di Afghanistan bertujuan melakukan keganasan, termasuk menggulingkan kerajaan kembalinya ke tanah air.

“Saya tidak tahu adanya gerakan Mujahidin di Malaysia,” katanya kepada pemberita selepas meraikan rombongan pengusaha dari Jepun yang melawat Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), di sini hari ini.

Beliau mengulas pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam baha-

wa ada segelintir ahli Pas diajar memikul senjata di luar negara dengan niat melakukan keganasan apabila pulang ke tanah air.

Beliau juga kesal dengan tindakan pihak tertentu yang sering mengaitkan kumpulan yang dianggap menentang kerajaan dengan perjuangan Pas, termasuk Kumpulan Persaudaraan Islam AI-Ma’udah dan terbaru gerakan KMM.

Sementara itu, Nik Abdul Aziz mendakwa tidak mengetahui punca tindakan polis merampas 832 naskhah majalah, termasuk 398 naskhah Warkah Darulnaim terbitan Urusetia Penerangan Kerajaan Kelantan, dari sebuah gerai di Jalan Datuk Pati di sini, kelmarin.